

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 24 RABU 13HB. JUN, 1973. 1393 رابو 12 جمادى الاول PERCHUMA

Untuk dapatkan fikiran2,
bukan utk dengar aduan2

TUJUAN BERDIALOG DENGAN RAA YAT

KIUDANG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda sikap dan tujuan rombongan dailog menjelajah ka-kampung2 ia-lah untuk mendengar fikiran2 dan pendapat2 tetapi bukan untuk mendengar aduan2 yang menyentoh perasaan seseorang atau pehak2 tertentu.

Ini telah di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia ketika menyampok hujjah2 salah sa-orang penduduk yang mengambil bahagian dalam majlis dailog di-Sekolah Melayu Kiudang pada hari Jumaat lepas.

Penduduk di-kampung itu sa-chara langsung telah membabit nama Penghulu dan Ketua Kampong dan membuat tuduhan yang mereka telah tidak mengambil berat terhadap masaalah2 penduduk.

Yang Amat Mulia mengingatkan hujjah2 yang di-hadapkan kepada rombongan dailog itu hendak-lah bertumpu kepada chara2 melaksana-kan satu2 rancangan yang berkesan bagi kebajikan bangsa dan negara dan menchari jalan yang lebih baik untuk mendapatkan penyertaan raayat dalam mengendalikan rancangan2 yang di-hadapkan.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu menasehatkan kepada raayat su-
(Lihat muka 5)

Nasehat kepada anggota2 pulis

KUALA BELAIT. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah menasehatkan semua Pegawai2 dan Anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei supaya menjalankan tugas dengan sempurna dan menjauhkan diri dari perasaan pilih kasih demi menegakkan peraturan dan undang2 negeri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah bersabda demikian kepada 115 orang pegawai dan anggota Pulis Diraja Brunei dalam satu majlis ramah tamah di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pagi kelmarin.
(Lihat muka 5)



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Beganda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sedang mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. kepada Tuan P. Izard, Pengurus Perdagangan Daerah Shariat Penerbangan Qantas (gambar kiri).

Tuan Izard ada-lah salah sa-orang dari enam orang warga negara British yang telah di-kurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia kerana perkhidmatan mereka kepada Negeri Brunei.

Lain2 penerima ia-lah bekas Pegawai Warrant J. Morgan; Pegawai Warrant J. Howard dan Tuan D.V. Leonard yang masing2 telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ke-empat — P.S.B.

Flying Officer N.M. Spence di-kurniakan Darjah Keberanian Laila Terbilang Darjah Ketiga manakala Mrs. E. Williams di-kurniakan Pingat Indah Kerja Baik.

Istiadat mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 itu telah di-adakan di-Grosvenor House Hotel, London sa-masa Duli Yang Maha Mulia mengadakan lawatan private ka-London baru2 ini. — Gambar dan berita kiriman Jabatan Penerangan British.

Kenyataan2 yg. di-buat tidak bermaksud untuk mengecil2kan pendapat raayat

KIUDANG. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia P. Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail bersabda, kenyataan2 yang di-buat oleh pehak kerajaan dalam majlis2 dailog Rancangan Kemajuan Negara yang baru, sama sekali tidak bermaksud untuk mengecil2kan pendapat dan fikiran raayat dalam membantu menguatkan penyusunan rancangan itu.

Yang Amat Mulia itu bersabda, ada-lah bertentangan dengan maksud mengadakan dailog itu jika penerangan2 yang di-berikan oleh pehak kerajaan atas satu2 perkara yang di-timbulkan di-anggap sa-bagai mengecil2kan fikiran raayat.

Sabda tersebut di-lafadzkan ketika Yang Amat Mulia itu membuka majlis dailog mengenai penyusunan Rancangan Kemajuan Negara yang berlangsung di-Sekolah Melayu Kiudang pada hari Jumaat lepas.

Dalam majlis itu, sa-ramai 12 orang penduduk Kampong Kiudang, Lamunin dan sekitarnya telah menghadapkan pendapat mereka yang sa-bilangan besar-nya ia-lah mengenai usaha2 untuk mengadakan lapangan pertanian dengan chara yang lebih meng-

(Lihat Muka 8)

Ibu-bapa di-seru berdamping rapat dengan guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes menyeru ibu-bapa dan penjaga murid2 supaya selalu berdamping rapat dengan guru2 di-sekolah demi untuk kemajuan dan mengatasi kelemahan anak2 mereka.

Beruchap di-majlis Pembukaan Rasmi Hari Pelajar di-Dewan Raya pada hari Ahad

lepas, Pengarah Pelajaran itu mengharap-kan bahawa sa-tiap orang yang tinggal di-Brunei ada-lah sama2 bertanggungjawab terhadap perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Beliau berkata, Jabatan Pelajaran bukan-lah merupakan penggerak utama terhadap perkembangan pelajaran di-negeri ini melainkan ia-nya mendapat sukongan penoh dan
(Lihat muka 5)



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin kelihatan dalam gambar atas sedang menanam sapohon pokok kelapa di-Kampung Pulau Berbunut sa-bagai memperingati lawatan Duli Yang Teramat Mulia ka-kampung itu.

Kampung Pulau Berbunut ada-lah salah sa-buah dari empat buah kampung pendalaman yang di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia dalam siri lawatan bagi meninjau keadaan dan beramah tamah dengan penduduk2 di-kampung pendalaman.

Lain2 kampung yang di-lawati oleh Duli Yang Teramat Mulia pada minggu lalu ia-lah Kampung Lumapas, Kasat di-Daerah Brunei-Muara dan Kg. Kinua di-Daerah Temburong.

Ini ada-lah lawatan ka-kampung2 pendalaman yang ketiga dilakukan oleh Duli Yang Teramat Mulia dalam tahun ini. Lawatan yang pertama di-buat pada 26hb. Mach dan lawatan kedua pada awal bulan ini.

Belia2 di-seru memberikan shor terhadap RKN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Brunei, Awang Yaakub bin Ahmad menyeru belia2 negeri ini supaya memberikan buah fikiran dan pendapat yang berfaedah terhadap Rancangan Kemajuan Negara yang sedang di-gubal.

Belia2, tambah beliau, harus memberikan sumbangan yang mereka sanggup dan

Gerakkan menyembor ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaki-tangan2 Projek Penghapus Malaria akan menjalankan gerakan menyembor ubat DDT di-lapan buah kampung di-Daerah Temburong bulan ini.

Kampung pertama yang telah mereka lawati ia-lah Kampung Perdayan pada 12hb. Jun.

Sa-lepas itu mereka akan berada di-Labu Estate pada 13hb. Jun dan 14hb. Jun dan ka-Batang Duri dan Amo pada 16hb. Jun.

Lain2 kampung ia-lah Sibut dan Sumbiling pada 18hb. Jun, Piasau2 pada 19hb. Jun dan Senukoh pada 21hb. Jun.

Ada-lah di-anggarkan sa-banyak 522 litre DDT akan di-gunakan untuk menyembor 174 rumah, pondok2 dan lain2, di-kampung2 tersebut yang mempunyai jumlah bilangan penduduk sa-ramai 1,057 orang.

di-kelolakan untuk menjayakan rancangan lima tahun itu.

Awang Yaakub menerangkan, majlis2 dalog sedang diusahakan untuk mendapatkan buah fikiran dan pandangan2 yang berguna untuk masharakat dan tegoran2 yang membina untuk kebaikan belia2 dan raayat negeri ini.

Awang Yaakub berkata de-

Untuk memberi peluang kpd anak2 tempatan

PAS2 KERJA PEKERJA2 ASING YANG TIDAK MAHIR AKAN DI-BATAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Buroh, Awang Mohamad Ali bin Haji Awang Besar telah memaklumkan kepada semua majikan yang telah mengambil orang2 asing bagi pekerjaan saperti pelayan, talipon operator, penu-long kedai, penjual, kerani dan kerja2 yang tidak mahir dan sama ada melalui "labour quota" atau surat kebenaran bahawa kebenaran yang telah di-luluskan akan batal sa-baik2 saja pas2 kerja mereka mansoh.

Awasi orang2 yang menyamar diri sa-bagai pengutip derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri mengingatkan kepada orang ramai supaya berhati2 terhadap satu golongan yang menyamar diri sa-bagai pengutip derma stadium sedangkan wang kutipan itu tidak pernah di-serahkan kepada jawatankuasa2 yang berkenaan.

Yang Berhormat itu menegaskan ada diantara orang2 yang tidak bertanggung-jawab telah mengambil kesempatan menyamar diri yang berpura2 sa-bagai sa-orang pemungut derma stadium tetapi hasilnya tidak sampai kepada pehak2 berkenaan jawatankuasa stadium.

Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Derma Tabong Pembinaan Stadium itu mengingatkan kepada orang ramai supaya mengambil perhatian terhadap kejadian itu dan meneliti sama ada pengutip derma itu sah atau sa-balek-nya.

Kata-nya, mereka yang ingin menderma hendak-lah menyerahkan sendiri derma itu kepada Pengerusi2, Pegawai2 Daerah atau kepada Yang Berhormat sendiri di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka serta wakil2 yang dilantek yang telah di-beri mandat.

Yang Berhormat itu menegaskan, sejak kempen derma tabong pembinaan stadium di-ishtiharkan, sambutan orang ramai terhadap rancangan itu ada-lah menggalakkan.

Bagi pehak Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat itu mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua penderma2 atas sambutan yang telah di-berikan.

Makloman ini telah terkan-dong dalam surat keliling Pejabat Buroh yang di-keluarkan baru2 ini.

Awang Mohamad Ali menerangkan langkah ketat ini di-ambil ia-lah untuk memberikan peluang2 pekerjaan bagi raayat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei; yang di-dapati menganggor yang di-perchayai boleh membuat kerja2 tersebut.

Pesuruhjaya Buroh menambhakan, oleh yang demikian majikan2 yang berkenaan adalah di-nasihatkan supaya mengambil langkah segera untuk menggantikan tempat2 orang asing tersebut.

Awang Mohamad Ali juga menyeru belia2 dan raayat negeri ini mengambil peluang2 yang telah di-berikan itu supaya dapat menunaikan hasrat dan hakikat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Pemenang2 peraduan melukis poster

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Morsidi bin Akip dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan melukis poster keselamatan jalan raya bahagian Sekolah2 Menengah Seluruh Negeri yang di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran.

Tempat kedua di-menangi oleh Awang Aminuddin bin Md. Sum dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin manakala Awang Duraman bin Jaffar dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mendapat tempat ketiga.

Awang Metassim bin Jeludin dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan mendapat hadiah kasehan.

Pemenang pertama menerima hadiah wang tunai sa-banyak \$170.00, pemenang kedua \$130.00 dan pemenang ketiga \$90.00.

Dalam bahagian Sekolah2 Rendah pula, Awang Suhaili Ingu dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong telah mendapat hadiah pertama dan menerima wang tunai sa-banyak \$150.00; pemenang kedua Awang Eisa bin Md. Salleh dari Sekolah Persediaan Inggeris H.M. Salleh, Sungai Hanching dan menerima wang tunai sa-banyak \$100.00 dan tempat ketiga di-menangi oleh Lee Seon Hi dari Sekolah St. Angles Convent. Seria dan menerima wang tunai sa-banyak \$50.00.

Awang Alexander Chuih dari Sekolah St. Georges, Bandar Seri Begawan menerima hadiah kasehan.

(Lihat Muka 3)

DALAM sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: "Dua nikmat banyak orang terpedaya, ter-tipu di-dalam-nya ia-itu sehat dan kelapangan".

Yang di-maksudkan dengan nikmat itu ia-lah hal keadaan susunan yang baik dalam hidup dan limpah kurnia Allah kepada manusia. Umpama-nya sa-orang yang menderita kerana kemiskinan di-kurniakan Allah dengan harta kekayaan yang boleh mengubah chorak kehidupan-nya menjadi senang dan mewah. Sa-orang yang jahil di-kurniakan Allah ilmu pengetahuan yang tinggi sa-hingga dengan-nya mendapat pangkat yang menyenangkan kehidupan-nya. Sa-orang yang di-timpa kesulitan di-kurniakan Allah tenaga dan kesanggupan bekerja dengan tabah dan cekal. Sa-orang bujang yang gelisah di-kurniakan Allah dengan sa-orang isteri yang baik, yang selalu mengembirakan, memelihara diri-nya, harta dan kehormatan-nya.

Ini semua ada-lah termasuk dalam arti nikmat yang merupakan hal keadaan suasana baik yang memberi kebahagiaan, ketenteraman dan kesenangan dalam hidup.

Dalam hadith tersebut ada dua nikmat yang di-sebut oleh Rasulullah yang ramai orang terpedaya di-dalam-nya ia-itu sihat dan kelapangan.

Manusia selalu-nya banyak yang terlupa dalam masa menikmati sihat tuboh badan kechuali bilamana mereka di-timpa sakit yang menyebabkan hilang tenaga dan kecher-gasan, bila mereka sihat mereka turutkan segala kehendak hawa nafsu tanpa perhitung-an, makan dan minum dengan berlebehan2 tidak kira yang halal mahu pun yang haram, memuaskan nafsu jantina sa-chara keterlaluan tidak cukup dengan isteri yang halal malahan-nya memuaskan nafsu dengan perempuan2 jalang. Mereka menyalah-gunakan kesihatan mereka sa-hingga ter-lalai membuat ibadat dan amal salih serta pekerjaan2 yang berkebakikan. Sia2-lah mereka itu mendapat nikmat kesihatan tuboh badan kerana

kesihatan itu bukan-lah sa-suatu yang kekal malah ia datang dan pergi. Bila mana ia pergi berarti manusia telah hilang peluang tenaga untuk beribadat dan beramal serta melakukan pekerjaan yang berkebakikan. Dengan yang demikian tentu-lah suatu hal yang merugikan bagi sesiapa yang mengabaikan kepentingan kesihatan itu.

Dalam sa-buah hadith yang lain, Rasulullah telah menganjorkan manusia supaya merebut lima peluang sa-belum luput-nya kelima2 peluang itu. Sabda Baginda yang bermak-sud:

"Rebut-lah lima peluang sa-belum tiba lima perkara, ia-itu masa muda mu sa-belum tua, masa sihat mu sa-belum miskin, masa lapang mu sa-belum sibok, masa hidup mu sa-belum mati." Sihat ada-lah termasuk dalam lima peluang tersebut.

Manakala nikmat kedua ia-itu kelapangan pula ada-lah berhubung rapat dengan kesenangan dan kekayaan, hidup yang boleh menimbulkan suasana aman tenteram mengenai diri dan harta, demikian juga suasana keadaan jiwa yang tenang ada-lah juga termasuk ka-dalam arti nikmat kelapangan. Dalam keadaan

LIMA PERKARA YANG MENGANDONGI NIKMAT YANG MAHA BESAR KAPADA MANUSIA



KHUTBAH JUMA'AT

sa-demikian banyak manusia tidak menggunakan dengan sa-wajar-nya masa lapang itu bagi kepentingan hidup di-du-nia dan di-akhirat. Mereka ha-nya pandai menghilangkan waktu dan peluang itu dengan bermacham2 chara yang sia2 saperti duduk berlama-lama di-kedai kopi, mundar mandir ka-hulu ka-hilir tanpa tujuan, mereka menghilangkan masa sa-olah2 masa itu tiada ber-harga kapada mereka.

Penyalah-gunaan manusia kedua2 nikmat itu-lah yang di-tegaskan oleh Rasulullah sa-bagai menipu diri sendiri sa-suatu yang amat berharga.

Dalam zaman serba berge-rak chepat dan maju sekarang ini, kita umat Islam perlu-lah menyedari tentang kepenting-an nikmat kesihatan dan masa lapang itu. Kedua2-nya harus-lah di-pergunakan dengan sa-

baik-nya pada perkara2 yang mendatangkan faedah yang berkebakikan baik untuk fae-dah perseorangan, mahu pun untuk faedah masyarakat dan negara kita. Bagi mereka yang hidup menganggor, ke-dua2-nya mesti-lah di-pergu-nakan untuk bekerja menchari nafkah yang halal tanpa me-mileh2 pekerjaan. Bagi mere-ka yang maseh lemah kedu-dokan ekonomi-nya, mesti-lah mempergunakan kedua2-nya untuk melipat-gandakan usaha bagi menambah pendapatan. Bagi mereka yang maseh lalai melakukan amal ibadat, mesti-lah merebut peluang2 itu tanpa berlehang2 lagi. Mu-dah2an dengan yang demikian kita akan dapat mengisi pe-luang2 dari dua nikmat yang berharga itu pada perkara2 yang mendatangkan faedah dan mensia2kan kepentingan dan kebajikan.

Majalah Tafsir siri ke-18

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-18 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kapada orang ramai dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Dalam keluaran kali ini

"TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain tafsiran dan huraian ayat (196) hingga (212) dari surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Belia2 harus mengubah sikap

(Dari muka 2)

gotong royong dengan tidak semua-nya mengharapkan per-tolongan dan bantuan dari kerajaan.

Belia2 kata-nya harus-lah mengubah sikap mengikut ke-

adaan dan perubahan zaman dan tidak sa-mata2 bergantung kapada bantuan orang lain.

Menyentuh tentang peker-jak2 luar negeri, Awang Ya-akub menerangkan tujuan kerajaan ia-lah untuk mengu-rangkan pekerja2 luar negeri dan kerja2 yang boleh di-buat oleh anak2 tempatan akan di-ambil aleh dari mereka.

Kata-nya, belia2 negeri ini mempunyai tanggung-jawab berhubung dengan pengambil-an aleh kerja2 itu tanpa me-mileh kerja2 dan sa-mata2 ha-nya dengan kerajaan.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13hb. Jun, 1973 hingga ka-hari Selasa 19hb. Jun, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
13hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07	
14hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07	
15hb. Jun	12-26	3-46	6-37	7-49	4-37	4-52	6-07	
16hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
17hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
18hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	
19hb. Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



13hb. Jun, 1973.

PELUANG BEKERJA

SOAL memberikan pekerjaan kepada anak2 tempatan bukan-lah suatu perkara yang baru di-timbulkan. Baru2 ini perkara ini telah di-bangkitkan lagi. Pejabat Buroh telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa pas kerja yang di-keluarkan kepada buroh2 luar yang tidak mahir tidak akan di-perbaharui apabila pas kerja yang ada sekarang berakhir. Langkah ini di-amal, kita yakin ada-lah bertujuan untuk mengurangkan pekerja2 luar negeri supaya dapat memberi peluang kepada raayat negeri ini mengambil alih kerja2 yang selama ini di-buat oleh pekerja2 luar itu.

Usaha Kerajaan Duli Yang Maha Mulia menggalakkan majikan2 di-negeri ini memberi pekerjaan kepada anak2 tempatan, dapat-lah kita anggap sa-bagai suatu langkah yang bertujuan untuk meniaga kepentingan dan kesejahteraan raayat. Dan dengan tujuan meniaga kepentingan dan kesejahteraan raayat ini ada-lah di-harapkan dapat memperbaiki taraf hidup raayat negeri ini.

Pihak2 majikan di-negeri ini juga nampaknya telah pun menjajakkan keriasama mereka. Dewasa ini dapat kita melihat anak2 tempatan bekerja di-kedai2, di-steshen2 menjual minuman, di-sharikat2 penerbitan, di-bank2 dan lain2. Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad juga turut sama memberikan perhatian dalam soal ini. Iklan2 menawarkan kerja2 kosong di-sharikat itu telah di-muatkan dalam akhbar ini. Bagi pihak majikan yang mengambil pekerja2 tempatan dapat-lah di-katakan bahawa sedikit sa-banyak dapat merengankan beban mereka kerana mereka tidak akan menghadapi masalah2 seperti mendanai lesen memasuki pekerja2 luar, pas2 kerja, perumahan, kesihatan dan lain2.

Kapada raayat negeri ini terutama sekali kapada belia2 lepasan sekolah, ini ada-lah satu peluang yang baik yang tidak patut di-lepaskan begitu saja. Negeri kita pada masa ini pun sedang giat menyusun satu Rancangan Kemajuan Negara yang baru dan berhabit dengan hal ini sudah tentu banyak tenaga buroh khasnya dari kalangan belia di-kehendaki bagi sama2 menolong menjayakan pelaksanaan rancangan besar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu.

Dalam konteks ini belia2 patut-lah tampil kemuka untuk mengisikan kerja2 yang telah di-tawarkan. Sikap memilih pekerjaan hendak-lah jangan di-amalkan demi untuk kesejahteraan hidup mereka dan raayat seluruhnya. Kita tidak boleh bergantung kepada kerajaan sa-mata2 untuk mendapatkan pekerjaan. Soal mencari pekerjaan tidak akan menjadi begitu rumit jika kita tidak mengamalkan sikap memilih kerja. Dari sikap ini juga merupakan satu puncha besar terdapatnya pengangguran sekarang.

(Lihat muka 8)

SABDA PENOH PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN DI-MAJLIS PERJUMPAAN DGN PEGAWAI2 DAN ANGGOTA2 PULIS DIRAJA BRUNEI DI-KUALA BELAIT

TIMBALAN Pesuruhjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja dan sekalian yang hadir.

Beta sungguh-nya bersukur kerana dengan izin Allah Subhanahu-Wataala, Beta dapat berpeluang pada hari ini dengan pegawai2 dan anggota2 pasukan Pulis Diraja Brunei yang bertugas di-Daerah Belait ini mengadakan atas lawatan Beta di-perjumpaan yang akan sa-tiap masa mudah2an dengan izin Tuhan berlaku.

Pada perjumpaan Beta dengan Pegawai2 dan anggota2 Pulis Diraja Brunei pada beberapa bulan lepas di-Daerah Brunei-Muara, Beta telah pun mengingatkan peri mustahak-nya bagi semua pegawai2 dan anggota2 pasukan Pulis supaya sentiasa menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda dan juga supaya melaksanakan tugas2 dan kewajipan masing2 dengan bersungguh2.

Pada saat ini Beta ingin sekali lagi menyatakan betapa mustahak-nya perkara ini kapada keselamatan dan ketenteraman serta kemakmoran Negeri Brunei Darussalam yang sa-memang-nya melakukan keamanan, damai dan tenteram demi mencapai hasrat dan niat suci Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei untuk menjadikan Negeri Brunei sa-buah negeri yang makmor dengan mempunyai masyarakat yang kukuh dan bersatu padu.

Dari itu dengan tidak puas2 Beta ingin berseru sekali lagi kapada semua pegawai2 dan anggota2 pasukan Pulis Diraja Brunei sama ada mereka bertugas di-daerah ini atau pun di-daerah2 lain dalam Negeri Brunei supaya terus menerus menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda serta terus menerus berwaspada dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita cintai ini.

Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda insha Allah akan menumpukan daya upaya

dan tenaga pada mengukuhkan keselamatan dan sa-terus-nya kemakmoran Negeri Brunei supaya seluruh raayat dan penduduk negeri ini yang chitakan keamanan akan dapat hidup dengan maju dan makmor dalam apa jua perkerjaan yang di-usahakan masing2 menurut Undang2 Negeri yakni Undang2 Negeri Brunei Darussalam. Dan yang mana undang2 itu telah di-susun dengan harapan kita yang akan menjadi panduan dengan izin Allah dan dengan keredhaan Allah Subhanahu-Wataala.

Beta di-majlis yang permai ini sukachita mengambil peluang untuk menasihatkan semua pegawai2 dan anggota2 pasukan Pulis Diraja Brunei supaya menjalankan tugas pada menegakkan peratoran undang2 negeri ini dan tegasnya dan menjauhkan diri daripada perasaan pilih kasih dan tindakan2 yang kurang tepat.

Akhir-nya Beta penoh berharap semoga keadaan tenteram dan aman yang sama2 kita nikmati pada hari ini dengan izin Allah akan terus kita nikmati oleh anak chuchu kita di-zaman2 yang akan datang.

Beta juga berharap semoga tali persahabatan, persafahaman yang sudah terjalin begitu erat di-antara pasukan keselamatan kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dan pasukan keselamatan Negeri Brunei seperti pasukan Pulis Diraja Brunei dan pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan terus berkembang mesra dan akan ujud bagi sa-lama2-nya yang benar2 chinta pada mempertahankan hak Negeri Brunei yang kita sebut sa-bagai ibunda yang Negeri Brunei ada-lah tumpah darah kita sentiasa.

Terima kasih.

ANTARA YANG HADHIR

PERBARISAN kehormatan sa-bagai menghormati hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada 2hb. Jun yang lalu.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey telah menerima tabek dan memeriksa barisan kehormatan itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat

Kemakmoran hanya boleh di-chapai dengan ada-nya keamanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pesuruhjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pg. Setia Raja Pg. Jaya bin Pengiran Haji Rajid, bersabda dalam zaman pembangunan ini adalah tanggung-jawab utama bagi belia2 dan seluruh raayat negeri ini untuk sentiasa bersama memberi fikiran dan kerjasama ka-arrah keamanan dan ketenteraman negeri ini.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bersabda demikian sa-be'um merasmikan pembukaan Meshuarat Agong ke-10 Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, yang berlangsung di-dewan persatuan tersebut pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bersabda kemakmoran hanya boleh di-chapai dengan ada-nya keamanan.

Dalam sabda ucapan Yang Amat Mulia itu antara lain berdo'a agar Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama akan dapat berjalan dengan subur-nya dan penoh dengan aktiviti2 yang berfaedah bagi persatuan itu khasnya dan negara Brunei Darussalam am-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja akhir-nya menasihatkan ahli2 persatuan tersebut supaya memberi sukongan yang penoh dan kerjasama yang benar2 jujur dan sa-terus-nya menunaikan kerja2 dan tugas sa-bagai sa-orang ahli persatuan.

Peraduan senilukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Senilukis akan di-adakan sempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun dalam bulan Julai hadapan.

Peraduan yang di-anjorkan oleh jawatankuasa yang di-bentuk untuk tujuan itu akan di-adakan selama sa-minggu mulai 14hb. Julai hingga 21hb. Julai dan akan dibuka dari jam 8.30 pagi hingga 9.00 malam tiap2 hari.

Peraduan itu juga bertujuan untuk membentuk serta memperkembangkan nilai seni lukis untuk mencapai ka-perengkat antara bangsa, berchorak keBruneian.

(Lihat muka 5)

ka-upachara itu.

Turut juga hadir di-upachara itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufril Bolkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir.

UPACARA PEMERIAHAN SEKOLAH2 ME



Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes berucap sa-belum merasmikan pemukaan Hari Pelajar.

PELAJARAN ANAK2: IBU-BAPA PERLU MEMBERI GALAKKAN

(Dari muka 1)

kerjasama yang erat dari semua pihak di-negeri ini.

Dato Seri Paduka Awang MacInnes juga menyeru kepada semua guru2 di-negeri ini supaya memberikan contoh2 dan pelajaran2 yang baik kepada murid2 dengan harapan dapat melaksanakan tanggung-jawab yang berat itu dengan jaya-nya untuk memenohi chita2 sa-bagai sa-orang pendidik.

Beliau menegaskan ibu-bapa dan penjaga murid2 haruslah mempunyai sikap yang sehat terhadap pelajaran anak2 mereka dan memberi galakkan sa-penoh-nya pada sa-tiap masa.

Kata-nya, ibu-bapa dan penjaga murid2 jangan-lah segan2 berjumpa dengan guru2 di-sekolah untuk membincangkan masalah kemajuan atau kemunduran anak2 mereka.

Dengan berbuat demikian, tambah beliau, segala kesulitan2 mungkin akan dapat di-atasi.

Beliau menegaskan penuntut2 di-sekolah juga telah dilatih dengan berbagai chara terutama mereka di-berikan galakkan memasoki lapangan pandu puteri, pengakap dan lain2 kegiatan sa-bagai contoh yang baik bagi mereka mengenali dan mematuhi undang2 negara.

Jabatan Hal Ehwal Ugama, tegas beliau, juga tidak kurang memainkan peranan penting dalam perkembangan pelajaran Ugama dengan harapan dapat menyalurkan berbagai aspek pelajaran dan memelihara serta menjaga nilai2 moral yang baik di-kalangan mereka.

Hari Pelajar akan di-adakan di-sekolah2 Rendah Me'ayu di-seluruh negeri sa-panjang bulan ini pada tarikh2 yang berasingan.

Pada hari Jumaat 15hb. Jun, lima buah sekolah di-Bahagian Brunei III akan mengadakan Hari Pelajar. Sekolah2 itu ia-ah S.M. Bengkurong, S.M. Kasat, S.M. Masin, S.M. Mulaut dan S.M. Panchor Murai.

Pada hari Ahad 17hb. Jun, Hari Pelajar akan di-adakan di-15 buah sekolah. Tiga buah sekolah di-Bahagian Brunei II — S.M. DMW Lambak, S.M. Gadong dan S.M. HMS Sungai Hanching.

Tiga buah sekolah di-Bahagian Brunei III — S.M. Dato Gandi, S.M. Lumapas dan S.M. OKBI Subok.

Tiga buah sekolah di-Bahagian Tutong I — S.M. Rukit Pangal, S.M. Kampong Menengah dan S.M. Lamunin.

Sekolah Melayu Sungai Damit Pematang di-Bahagian Tutong II. Lima buah sekolah di-Daerah Temburong — S.M. Amo, S.M. Kinua, S.M. Selangan, S.M. Senukoh dan S.M. Sultan Hassan.

S.M. Raja Isteri Fatimah, di-Brunei I dan S.M. Merangking di-Daerah Belait akan mengadakan Hari Pelajar pada hari Rabu 20hb. Jun manakala S.M. Kuala Balai akan mengadakan Hari Pelajar pada 19hb. Jun.

Kerajaan perlu berhati2 dalam melaksanakan satu2 projek

(Dari muka 1)

paya mengikis sikap merendah2kan atau penyinggong perasaan sa-scorang itu dan hendak-lah menyelesaikan satu2 perkara yang timbul melalui perundingan, tetapi bukan di-sebarkan di-tempat2 yang tidak sesuai.

Sikap menchari penyelesaian melalui perundingan itu, sabda Yang Amat Mulia lagi, ada-lah perlu di-biasakan memandang kepada hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk terus memelihara keadaan aman, tenteram dan makmor yang telah di-nikmati di-negeri ini sejak zaman berzaman.

Ketika membuat ulasan2 di-akhir perjumpaan itu, Yang Amat Mulia antara lain telah memberitahu penduduk2 di-Kg. Kiudang dan sekitarnya bahawa di-kawasan itu terdapat 5,000 ekar tanah yang sesuai untuk di-tanam padi.

Yang Amat Mulia bersabda kepada demikian ada-lah memakan tenaga raayat untuk mengusahakan-nya dengan sapenoh hati dan kesanggupan mereka pada mengusahakan-nya ada-lah perlu di-dapatkan lebeh dulu.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, sabda Yang Amat Mulia itu ada-lah perlu berhati2 dalam melaksanakan satu2 projek supaya ia-nya memperteguhkan lagi faktor2 ekonomi negara dan raayat sa-lain dari memandang berat pada menjimatkan wang negara.

Sementara itu, Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talip bin Derwish memberitahu bahawa pembinaan jalan raya, sama ada jalan2 kecil atau besar ada-lah didasarkan kepada faedah ke-

pentingan perhubungan yang sempurna sa-lain dari memberikan faedah2 untuk meningkatkan taraf hidup raayat yang ramai bilangan-nya.

Walau bagaimana pun, mengenai jalan2 raya yang ada sekarang, khas-nya jalan2 kecil di-kampung2 pendajaman termasuk jalan yang telah di-tutup akan di-kaji sa-mula oleh jawatankuasa yang berkenaan dari segi keutamaan dan faedah2-nya.

Pemangku Pengarah Pertanian, Awang Abdul Hamid bin Jaafar dalam penerangan-nya telah meng-alu2kan pendapat2 penduduk2 di-kampung itu terhadap pembesaran projek2 pertanian di-negeri ini.

Beliau berharap pendapat2 itu akan merupakan satu tanda yang akan menjadi kenyataan dalam soal kesediaan raayat untuk menyertai projek2 yang di-chadangkan.

Mengenai persatuan2 peladang, Pemangku Pengarah Pertanian itu menekankan bahawa kerajaan telah pun menyediakan satu tempat untuk mereka menjual hasil2 ladang mereka tetapi tempat itu telah terlantar kosong dalam beberapa bulan dan ini terpaksa di-penohkan dengan chara memindahkan barang2 runchit di-pasar besar ka-tempat itu.

Wakil Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Abdul Saman bin Abdul Kahar telah juga menerangkan kedudukan pengusaha tanah dari segi kehendak Islam yang sentiasa menyuruh orang2 yang bertanah itu supaya mengusahakan-nya dan jika tanah2 itu tidak di-usahakan maka tuan2 punya tanah itu akan menerima dosa.

Di-samping itu, kata-nya, menurut kehendak Islam, kerajaan berhak menjalankan tindakan untuk merampas tanah2 yang tidak di-usahakan antara tempoh2 tertentu.



Murid2 dari Sekolah Melayu Anak2 Askar Melayu Diraja Brunei yang turut menyirikan upacara pembukaan rasmi Hari Pelajar.

MENGEKALKAN KEAMANAN

(Dari muka 1)

Duli Yang Teramat Mulia itu juga mengingatkan Pegawai2 dan Anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei supaya terus menerus menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Kerajaan Baginda serta terus berwaspada dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita cintai ini.

Menyentuh mengenai ketenteraman, Duli Yang Teramat Mulia sa-terus-nya berharap supaya tali persahabatan yang sudah terjalin begitu erat di-antara Pasokan Keselamatan Kerajaan Paduka

Seri Baginda Queen dengan Pasokan2 Keselamatan di-negeri ini akan terus berkembang mesra dan akan ujud buat sa-lama2-nya.

Turut Hadhir di-majlis ramah itu termasuk-lah Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pemangku Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pg. Jaya bin Pg. Hj. Rajid dan lain2 Pegawai Kanan Pulis.

Sabda ucapan Duli Yang Teramat Mulia sa-penoh-nya di-siarkan di-muka 4.

Jadual tayangan wayang gambar J. P. P.

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan mengadakan tayangan wayang gambar untuk orang ramai pada tarikh2 saperti berikut:

Pada hari Khamis 14hb. Jun: di-Kg. Baru Ujong Kelinik, Sungai Kebun, Sekolah Melayu Masin dan Kampong Kuala Unggar.

Pada hari Sabtu 16hb. Jun: di-Sekolah Melayu Kasat, di-se-

kolah Melayu Kampong Menengah dan Sekolah Melayu Rampayoh.

Pada hari Isnin 18hb. Jun: di-Sekolah Melayu Mulaut, di-Sekolah Melayu Subok dan Sekolah Melayu Pematang Sungai Damit.

Pada hari Selasa 19hb. Jun: di-Sekolah Melayu Sungai Hanching, di-Sekolah Melayu Panchur Murai, di-Kampong Layong dan

di-Sekolah Melayu Kuala Balai.

Pada hari Rabu 20hb. Jun: di-Pekan Bangar, di-Sekolah Melayu Bukit dan di-Sekolah Melayu Merangking.

Semua pertunjukan akan dimulakan pada jam 7.00 malam.

Jabatan Penyiaran dan Penerangan berhak membatalkan pertunjukan yang telah di-tetapkan tanpa memberitahu terlebih dahulu.

MEMPERKENALKAN PASOKAN PANCHARAGAM PULIS DIRAJA BRUNEI

PASOKAN Pancharagam Pulis Diraja Brunei memang sudah tidak asing lagi bagi rakyat dan penduduk negeri Brunei kerana Pancharagam ini selalu muncul di-khalayak ramai di-upacara2 perbarisan, perarakan2, temasha2 sukan dan "beating retreat" dan lain2.

SIRI PERTAMA

Hasil tinjauan

ALIDDIN OTHMAN

Pasokan ini telah di-tubuhkan pada 3hb. Jun 1957 dengan anggota2-nya sa-ramai 42 orang. Mereka telah di-nantar ka-Sarawak Constabulary, Kuching untuk mengikuti latihan asas dalam muzik dan 'drill' sa-hingga alat2 muzik yang di-pesan dari England tiba di-Brunei. Oleh kerana anggota2 Pancharagam yang baru direkrut itu terpaksa mempelajari muzik dari perengkat awal lagi, maka untuk memulakan tugas mereka bermain sa-bagai sa-buah pancharagam yang lengkap, sudah tentu banyak masalah dan kesukaran yang mereka hadapi. Bagaimanapun, dengan azam dan ketekunan anggota2-nya mengikuti latihan, Pancharagam ini telah berjaya memulakan tugas buat pertama kali-nya di-satu perbarisan kehormatan pada bulan April 1958 — kurang sa-tahun dari tarikh penubuhan-nya. Sejak itu bilangan anggota2-nya bertambah dan sekarang permainan pancharagam ini telah pun mencapai taraf yang baik.

Pada masa ini anggota2 Pancharagam Pulis Diraja Brunei terdiri dari sa-orang Pengarah Muzik dan 63 orang anggota dari golongan pangkat bawah yang mempunyai kelamaan bekerja yang berbedaz2. Lebih kurang sa-paroh dari anggota-nya telah berkhidmat dengan pancharagam ini sejak ia di-tubuhkan. Pengarah-nya yang ada sekarang, Awang G.R. Crowhurst memang sudah lama berkechimpong dalam arena muzik khusus-nya dalam 'military band'. Sa-belum berkhidmat dengan Pasokan ini beliau pernah berkhidmat dengan Pancharagam Tentera British sa-lama 34 tahun dan dalam Pancharagam Pulis Diraja Brunei pula beliau telah berkhidmat hampir 10 tahun. Beliau adalah Pengarah Muzik yang ketiga bagi Pancharagam ini.

Bila di-tanya apa-kah tugas2 Pengarah Muzik, Awg. Crowhurst menerangkan bahawa tugas beliau yang utama ia-lah 'mengarah' muzik baik dalam masa latihan mau pun sa-masa Pancharagam ini bermain di-khalayak ramai. Beliau juga menchipta, menggubah dan menyusun lagu2 untuk Pancharagam ini. Sa-lain dari tugas2 ini



beliau juga membuat kerja2 pentadbiran untuk pancharagam ini seperti soal2 pengangkutan apabila pancharagam ini di-kehendaki menunjukkan permainan mereka di-tempat2 tertentu.

Menyentuh tentang tugas2 pancharagam pula, Awang Crowhurst menerangkan ada-lah nyata sekali bahawa tugas pancharagam pada keutamaan-nya ia-lah bermain muzik dan ini mengandungi satu bidang yang amat luas dari segi kegiatan seperti bermain di-sema upachara istiadat negara, istiadat2 Diraja, perbarisan2, perarakan2 dan banyak jenis lagi dari segi program untuk upacara2 di-kelab2 pegawai, pertunjukkan2 konset yang terbuka kepada orang ramai dan juga prebet, temasha2 sukan, rapat2 umum dan rakaman untuk siaran radio apabila di-kehendaki.

Sa-lain dari tugas mereka dalam bidang muzik, anggota2 Pancharagam ini juga di-latih sa-tahun

Pengarah Muzik Pancharagam Pulis Diraja Brunei, Awang G.R. Crowhurst, S.L.J., P.O.A.S., A.R.C.M.

Cpl. Ahmad bin Md. Deli dengan chokmar-nya (gambar kiri).



Cpl. Abdullah bin Haji Karim memakai 'ceremonial dress' (gambar bawah).

sa-kali chara2 menggunakan senjata, mengawal kumpulan2 orang ramai, pertolongan chemas dan menyelamatkan nyawa. Latihan2 seperti ini amat berguna kepada anggota pancharagam bagi membolehkan mereka membantu jika dan bila di-kehendaki dalam mengawal ketenteraman awam di-dalam negeri.

Sa-tiap kali pancharagam ini bermain di-khalayak ramai, ia akan di-dahului oleh sa-orang DRUM MAJOR yang berjalan segak membawa chokmar atau Drum Major Mace. Dalam Pancharagam Pulis Diraja Brunei, orang yang bertugas sa-bagai Drum Major ialah Cpl. Ahmad Md. Deli. Beliau-lah orang yang bertanggung-jawab membawa chokmar, lambang bagi sa-sebuah pancharagam. Cpl. Ahmad yang berbadan tinggi dan bermisai tebal telah menerangkan sedikit sa-banyak tentang tugas



Awang Crowhurst ketika mengarah dalam masa latihan di-bilik latihan.

beliau dalam pasokan. Chokmar ini penting dalam sa-barang perbarisan, perarakan dan 'beating retreat' sa-bagai 'guide' atau pemandu kepada Pancharagam. Drum Major akan menggunakan chokmar-nya sa-bagai tanda untuk memulakan atau memberhentikan perbarisan. Chokmar ini juga digunakan apabila Pancharagam hendak berbelok ka-kiri atau kakanan dan untuk memberitalkan barisan. Da'am Pertunjukkan 'beating retreat' chokmar ini kadang2 di-gunakan untuk menunjukkan kemahiran atau kecekapan Drum Major bila mana chok-

mar itu di-lontarkan-nya ka-atas dan kemudian di-sambut-nya samula. Biasa-nya penuntun2 akan memberikan tepokan gemuruh kepada Drum Major apabila ia melontarkan chokmar ini. Ini merupakan bahagian yang sulit sekali untuk di-lakukan. Bagaimanapun bagi Cpl. Ahmad tidak-lah menjadi masalah dalam mengendalikan tugas ini memandangkan pengalaman2 yang di-perolehi sejak berkhidmat dengan pancharagam ini dan beliau berpuas hati dengan tugas-nya sekarang.

(BERSAMBONG)



Anggota2 pasokan pancharagam Pulis Diraja sedang berbaris sambil memainkan lagu 'Waspada' di-padang perbarisan di-Ibu Pejabat Pulis Gadong.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Juru Mesen

Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan sa-bagai Juru Mesen Tingkat I di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalu2 mesti-lah telah mendapat lathan di-Sekolah Pertukangan B.S.P. dan diikuti pula dengan kerja2 praktikal sekurang2-nya selama 3 tahun; atau
- bekas jurugagas B.S.P. yang berkhidmat dalam Tingkatan 9 sama ada di-Bahagian Automotiv atau Mechanical Equipment; atau
- mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam kerja2 mechanic dengan sa-sebuah bengkel yang besar.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai pengetahuan khas dalam kerja2 Auto Waring.

Tugas2:

Chalun yang berjaya akan di-kehendaki, jika perlu, untuk bekerja pada bila2 masa sa-lepas waktu bekerja untuk membaiki kerosakan2 kecil.

Uniform:

Pemohon yang berjaya di-kehendaki memakai uniform Pasokan Bomba seperti yang di-arahkan oleh Pengawal Pasokan Bomba.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei tidak lewat dari 28hb. Jun, 1973.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Penyelenggara

Setor Tingkat III

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Hal Ehwat Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 untuk lantikan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Jun, 1973.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwat Ugama, Brunei.

(a) IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Bunut, Brunei.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Daerah, Brunei dan Muara.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dengan tidak ada rekod kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk menjalankan tugas2 seperti yang di-atorkan oleh Pegawai Daerah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nahkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

Jawatan2 kosong di-BSP dan PGGMB

Jurutrengkas /

Jurutaip

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi pemudi2 yang chukop berkebolehan, raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, untuk di-ambil bekerja sa-bagai Jurutregkas/Jurutaip dengan Shari- kat Minyak Shell Brunei Berhad.

Chalu2 hendak-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sata-nding dengan-nya, sa-baik2-nya mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan sudah mengambil kursus trengkas dan menaip. Mereka yang telah lulus dalam pe-pekasaan R.S.A., Menaip dan Trengkas, Peringkat I dan II akan di-utamakan.

Permohonan2 dengan chara bertulis, memberikan butir2 diri dan butir kelayakan serta pengalaman hendak-lah di-alamatkan kepada:- Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan),

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria, Negeri Brunei.

dan pada sarong surat di-tulis "SULIT — JURUTRENGKAS/JURUTAIP".

Kerani Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa oleh SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD bagi pemudi2 dan pemudi2 raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, di-timbangan di-ambil bekerja dalam jawatan2 Kerani Rendah.

Chalu2 hendak-lah tamat persekolahan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setanding dengan-nya fash berchakap serta menulis dalam bahasa Inggeris. Keutamaan di-berikan kepada mereka yang sudah berpengalaman dalam kerja

- BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.
- MERBUT (1 jawatan) — Bagi Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Far- duz Kepyah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah berse- dia menghadapi satu pepe- rekasaan yang akan di-ada- kan oleh Jabatan Hal Ehwat Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah sa- perti berikut:-

Jawatan IMAM — U.4 — \$280x 10-390-410x10-560.

Jawatan BILAL — U.2 — \$220x 10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhid- mat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya me- lalui Ketua Jabatan-nya, dan Ke- tua Jabatan itu hendak-lah me- nyertakan bersama2 permohonan

ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-pe- nohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pe- gawai Perjawatan, Pejabat Perja- watan, Brunei dan hendak-lah di- kembalikan tidak lewat dari 28hb. Jun, 1973.

Di-Jabatan Adat Istiadat Negara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Adat Istiadat Negara, Brunei.

A. JURU TAIPI/OPERATOR (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lu- lus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya dan boleh menaip lebih dari 40 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang pernah bekerja di-Jabatan Adat Istiadat Negara.

Tugas2:

Chalu2 yang berjaya akan me- jalankan Jentera Penchetak Alamat (Addressing Machine) dan Jentera Penumbok Plate (Embossing Ma- chine) dan chalu2 hendak-lah ber- sedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untuk Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB 3-4 — \$230x10-290x15-380/EB/410 x20-510-540x20-660.

B. ATENDAN/PEMBERSEH (4 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur di- antara 18 hingga 35 tahun dan lu- lus sekurang2-nya Tingkatan III Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang pernah men- jadi Penyambut Tetamu dan mengangkut Bintang Patian, Dian dan lain2 di-dalam Majlis2 yang Beristiadat.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya mesti- lah bersedia untuk bertugas pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa untuk Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1-2-3 EB 4-5 — \$180x5-240/EB/245x5-260x 10-290.

C. PEMANDU KERETA TING- KATAN II (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.
- Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dak- wa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Chalu2 yang berjaya akan di- kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$220x 5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-pe- nohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perja- watan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Jun, 1973.

kerani atau pentadbiran. Dan lagi kebolehan menaip, kelayakan da- lam ilmu menyimpan kira2, treng- kas atau ilmu perdagangan sa- umpama-nya akan lebih baik lagi.

Permohonan2 sa-chara bertulis memberikan butir2 diri, rekod pe- lajaran dan keputusan peperaka- san hendak-lah di-alamatkan ka- pada:-

Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan), Shari- kat Minyak Shell Berhad, Seria, Negeri Brunei.

— dan pada sarong surat hendak- lah di-tulis "SULIT — KAKI- TANGAN KERANI RENDAH".

Sa-bagai Kerani

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk memohon jawatan kosong sa-bagai Kerani tetap Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

- Pemohon2 hendak-lah:-
 - Berumur tidak kurang 19 tahun
 - Fasih berbahasa Melayu dan boleh berbahasa In- geris
 - Berkelulusan sa-rendah2- nya Tingkatan III/Form III atau yang sa-taraf de- ngan-nya.
- Keutamaan akan di-beri ka- pada pemohon yang mumpu- nyai kelulusan dan kebolehan menaip dan trengkas.
- Gaji sa-bulan ia-lah dalam sukatan \$180x10-220x20-500. Gaji permulaan bergantung kepada kelulusan dan kema- hiran bekerja.
- Permohonan hendak-lah sampai kepada Setiausaha Agong PGGMB, Peti Surat 2230, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 20hb. Jun, 1973 jam 5.30 petang.



GAMBAR atas menunjukkan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah sedang menandatangani Buku Pelawat di Pejabat Kastam dan Imigresen di Sungai Tujoh, Kuala Belait sama-sama Yang Teramat Mulia mengadakan lawatan sengkut ka-pusat pemeriksaan itu pada hari Isnin lepas.

Sedang memerhatikan di-tengah2 ia-lah Penolong Pegawai Daerah, Ag. Yahya bin Hj. Haris,

Pegawai Pemerintah Pulis Daerah, Dato V.E. Pike dan sa-orang Pegawai Imigresen.

Terdahulu sa-belum itu, Yang Teramat Mulia telah melawat ka-Kampung Sg. Teraban untuk meninjau keadaan penduduk2 di-situ. Yang Teramat Mulia juga telah melawat ka-Sekolah Melayu Sungai Teraban dan bertemu ramah dengan guru2 di-sekolah itu.

Sa-panjang lawatan itu, Yang Teramat Mulia telah di-iringi oleh Pegawai Daerah, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Kegagalan puncha kelalaian raayat

(Dari muka 1)

luas, soal2 pasaran dan kemungkinan bagi mengadakan perindasterian.

Di-samping mengalu2kan pendapat yang di-kemukakan itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga telah meminta keyakinan penduduk2 di-situ sama ada mereka benar2 bersedia untuk berkhidmat bagi melaksanakan satu usaha pertanian dan perindasterian sa-chara besar2-an saperti yang di-maksudkan itu.

Yang Amat Mulia bersabda, pada masa yang sudah2 Brunei telah mengadakan Rancangan Kemajuan Negara sa-banyak dua kali, tetapi ra-

(Dari muka 4)

Raayat mesti-lah tidak menaruh sa-barang perasaan malu untuk membuat sa-barang kerja2 yang di-tawarkan kerana sifat ini tidak menggalakkan dalam pembangunan negara. Sikap malu harus-lah di-kikis dari kamus hidup raayat dalam zaman pembangunan ini atau biasa di-sebut sa-bagai zaman sains dan teknologi.

Raayat Brunei dengan sa-beberapa yang boleh harus-lah membuktikan bahawa mereka juga mampu dan sanggup membuat kerja2 yang boleh di-buat oleh pekerja2 luar. Dalam soal ini yang penting2 ia-lah inisiatif dan perubahan sikap. Kita mesti-lah mengubah sikap sa-laras dengan zaman pembangunan di-mana manusia berlumba2 untuk memajukan, memperbaiki keadaan hidup sendiri dan kesetabilan negara.

ayat maseh juga belum dapat membekalkan keperluan2 harian2nya, bahkan maseh terus mengharapka kepada bantuan2 luar.

Kegagalan itu sabda Yang Amat Mulia ada-lah berpuncha dari kelalaian raayat dalam mengusahakan beberapa kemudahan yang telah di-sediakan oleh kerajaan yang sa-bilangan besar2nya termasuk lapangan pertanian itu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar bersabda, apa yang perlu bagi raayat sekarang ia-lah mewujudkan satu sikap yang tidak hanya bijak menhadang tetapi bersedia menyertai dan mengusahakan2nya.

Menurut Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, dalam keadaan Brunei yang ada sekarang, raayat2nya tidak sa-harus2nya hanya boleh bertahan pada mengeluarkan hasil2 pertanian yang rendah mutu2nya, tetapi juga mereka harus menunjukkan semangat dan kebolehan untuk mengeluarkan hasil2 pertanian yang bermutu tinggi dan boleh membekalkan keperluan raayat seluruh2nya.

Yang Amat Berhormat itu saterus2nya menyeru raayat yang bertanah supaya mengusahakan2nya dengan segera dan sekali2 jangan di-biarkan2nya terlanjar tanpa di-isikan dengan apa yang di-perlukan oleh hara22nya.

Dalam majlis dalilog itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah juga menerima chadangan2 bertulis mengenai pertanian dan bersabda bahawa chadangan2 yang telah di-hadapkan oleh penduduk2 di-situ akan di-kaji dan di-jadikan sa-bahagian dari rancangan kemajuan negara, jika ia2nya di-dapati berfaedah untuk kepentingan seluruh2 raayat dan negara.

Pmk. M.B. TINJAU KEADAAN PENDUDOK2 KAMPONG LIMAU MANIS DAN P. BATU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail pada hari Ahad lepas telah mengadakan lawatan ka-kampung2 dalam kawasan Mukim Limau Manis dan Pangkalan Batu untuk meninjau keadaan penduduk2 dan kampung di-kedua2 buah mukim dalam Daerah Brunei-Muara itu.

Dalam lawatan itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah di-temani oleh Pegawai Kanan Penolong Kewangan Negara, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain; Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish; Penolong

Pegawai Daerah Brunei, Awg. Jaya bin Abdul Latif dan Pegawai Pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Awang Mohammad bin Haji Serudin.

Rombongan Yang Amat Mulia itu, melawat ka-kampung2 di-sekitar mukim2 tersebut dengan melalui jalan Bengkurong dan kampung2 yang di-lawati ia-lah Limau Manis, Batu Ampar, Panchor Murai, Kulapis dan menembusi ka-Kampung Katimahar di-batu 13, Jalan Tutong.

Dalam masa lawatan itu, rombongan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar telah singgah sa-bentar untuk berehat di-Pondok Pulis Kampung Limau Manis.

Sa-chara sambil lalu rombongan Yang Amat Mulia itu telah menyaksikan kawasan2 tanah yang tidak sempurna di-usahakan dan kawasan2 persekolahan serta perumahan penduduk2 di-sekitar mukim tersebut.

Sekali sa-kala Yang Amat Mulia itu telah menyabdakan kesal bila melihat kawasan2 tanah yang terbiar bukan saja terhadap kawasan2 tanah yang luas bahkan juga kawasan2 tanah perumahan penduduk.

Yang Amat Mulia itu menyabdakan pendapat bahawa ada-lah lebih baik dan berfaedah kepada penduduk2 itu sendiri jika kawasan2 tanah mereka itu di-isikan dengan tumbunan2 yang boleh mendatangkan hasil saperti sayor2an dari tanah itu di-biarkan di-tumohi rumput rampai.

Laporan2 hendak-lah di-hantar sa-belum 31hb. Julai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Buroh, Awang Mohammad Ali bin Haji Awang Besar mengingatkan majikan2 di-negeri ini bahawa sesuai dengan satu arahan yang di-buat2nya tahun lalu di-bawah Undang2 Buroh bahagian 59, mereka ada-lah di-kehendaki memberikan laporan2 dalam pekerjaan2 mereka pada 30hb. Jun tahun ini.

Pesuruhjaya Buroh itu berkata, tahun ini sa-lain dari laporan2 pekerjaan yang biasa2nya di-sediakan dalam borang BUR 700 dan 701 A, majikan2 itu juga di-kehendaki memberikan laporan mengenai keperluan2 tenaga manusia yang ada sekarang dan pada masa2 akan datang sa-bagaimana yang di-sediakan dalam borang BUR 721.

Borang2 laporan itu ada-lah bagi pekerjaan2 sa-hingga 30hb. Jun tahun ini dan mesti-lah di-isikan dan di-kembalikan kepada Pesuruhjaya Buroh dengan segera sa-lepas tarikh tersebut dan tidak lewat dari 31hb. Julai tahun ini.

Pesuruhjaya Buroh itu menyatakan bahawa borang2 dan arahan2 mengenai tenaga manusia dan laporan itu sekarang sedang di-bahagikan kepada semua majikan2 yang berdaftar di-Jabatan Buroh. Majikan2 yang belum menerima borang2 mereka menjelang 30hb. Jun nanti ada-lah di-minta supaya memohon kepada Pegawai Pendaftaran, Jabatan Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei, Talipon 2256 sambongan 7.

Sharat2 masok peraduan senilukis

(Dari muka 4)

Ia2nya terbuka kepada pelukis2 tempatan atau yang berada dalam negeri ini.

Peraduan itu di-bahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama termasuk pemandangan, still-life, kehidupan sa-hari2 dan lukisan2 yang menggambarkan suasana kehidupan di-Brunei.

Kumpulan kedua ia-lah antara lain, gambaran imiginasi pelukis yang berdasar kepada sejarah tanah ayer saperti Puteri Lela Menchanai, Awang Simaun atau mo-

del yang berchorak keBruneian.

Pelukis2 hendak-lah menggunakan bahan2 lukisan yang sesuai. Hadiah wang tunai akan di-berikan kepada pemenang2 pertama kedua dan ketiga.

Karya2 hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Peraduan dan Pameran Senilukis Sambutan Hari Keputeraan ke-27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-alamat Bahagian Penggambaran, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 1hb. Julai hadapan.